

Anwar: Video sex baru fitnah p'raya Umno
MalaysiaKini.com
Mac 16, 2013
Koh Jun Lin

Gambar daripada video seks yang disebar oleh blog pro-Umno hanya "fitnah pilihan raya", kata Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika ditanya hari ini, Anwar menafikan tuduhan menjadi pelaku dalam gambar itu.

"Ini fitnah jijik Umno menjelang pilihan raya," katanya ketika ditemui pemberita ketika sedang meninggalkan sebuah majlis di Bandar Utama, Selangor.

Sejak dua hari lalu, gambar menunjukkan hubungan intim dua lelaki dalam sebuah bilik itu menjadi modal baru penulis blog anti-Anwar.

Beberapa keping gambar yang disiarkan itu menunjukkan aksi intim dua lelaki sedang berpelukan dan bercumbuan.

Gambar seorang daripadanya turut dipaparkan dalam keadaan bertelanjang bulat.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/224082>